

Ingatan Perdana Menteri kepada anggota2 Umno

Jangan mudah 'melatah' bila Pas keterlaluan

BH 29 MAR 1985

KOTA BHARU, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan anggota-anggota Umno supaya jangan mudah 'melatah' untuk 'menyambut' serangan dan kecaman segelintir pemimpin Pas yang bersikap keterlaluan.

"Jika kita kerap menyambut sikap keterlaluan mereka, kita akan terperangkap dan akan hilang sokongan daripada penyokong yang se-

derhana yang ramai jumlahnya," katanya di majlis jamuan makan malam di kediaman Menteri Besar Datuk Haji Mohamad Yaacob di sini malam tadi.

Lebih 3,000 anggota dan penyokong Umno dan parti-parti komponen Barisan Nasional hadir di majlis itu yang diadakan sempena lawatan dua hari Perdana Menteri dan Datuk Seri Paduka Dr Siti Hasmah ke Kelantan.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata sebuah parti pembangkang berminat

untuk menubuhkan kerajaan di Pantai Timur kerana ada sebuah negeri di selatan Kelantan yang kaya dengan hasil minyak.

Katanya, disebabkan taksud dengan kekayaan yang akan diperolehi dari negeri itu, para pemimpin parti itu 'terbuka mata' berusaha untuk memenanginya dengan sedaya upaya.

"Mereka gunakan agama tetapi dengan mengenyepikan nilai agama itu sendiri, memutarbelitkan agama dan membuat tafsiran yang tidak betul," katanya.

Perdana Menteri

berkata sebagai manusia biasa para pemimpin parti itu mudah membuat kesilapan tetapi kesilapan mereka telah menjadi ikutan pengikut-pengikut yang tidak berdosa.

Sayang

Beliau meminta anggota-anggota Umno supaya berusaha membawa mereka yang telah disesatkan itu ke pangkal jalan.

Katanya, anggota-anggota Umno jangan ambil pusing terhadap pemimpin-pemimpin Pas, sebaliknya menumpukan perhatian

kepada anggota-anggota dan pengikut parti itu kerana "Umno sayang kepada mereka".

Perdana Menteri memberi amaran bahawa para pemimpin Pas pada suatu hari nanti akan menerima kesan daripada perbuatan mereka sendiri.

Katanya, mereka harus ingat kepada sejarah parti itu yang menunjukkan pemimpin-pemimpinnya tidak terlepas daripada usaha penyingkiran oleh kumpulan pemimpin yang lain dalam parti itu juga.

Beliau berkata sejarah kepemimpinan Pas akan berulang selagi Pas mempunyai pemimpin yang rakus kuasa.